

Headline	Senarai hitam kontraktor pembinaan jika didapati berlaku kecuai		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	10	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,092
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,276



Senarai hitam kontraktor pembinaan jika didapati berlaku kecuai

KUALA LUMPUR - Kementerian Kerja Raya memberi amaran akan menyenarai hitam kontraktor projek pembinaan di Persiaran Alam Damai yang telah menyebabkan kematian.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, tindakan itu akan dilakukan jika didapati berlaku kecuai dan tiada sebarang tender dalam tempoh dua tahun.

"Saya akan menggesa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

berbuat demikian kalau memang didapati ketidakpatuhan kepada apa sahaja prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Tender di Kementerian Kerja Raya pada Isnin.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, tidak sepatutnya berlaku pengalihan struktur atau peralatan besar di tapak pembinaan.

"Apabila nak mengalihkan *launcher* ini, SOP biasanya kena tutup jalan. Apabila kita nak gerakan semua, baru kita alih dan pastikan jalan itu selamat baru kita boleh buka untuk orang lalu lalang.

"Itu standard SOP tapi saya tidak tahu mengapa yang ini tidak dipatuhi," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan menyiasat terlebih dahulu sama ada kontraktor berkenaan pernah disenarai hitam sebelum ini.



Fadillah (tengah) pada sidang akhbar selepas Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima Tender di Kementerian Kerja Raya pada Isnin.